

**Sasaran Capai Pingat Emas Di Universiade Bukan Mustahil - Muhyiddin Bernama**  
**26 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Sasaran merangkul pingat emas di Sukan Universiti Dunia (Universiade) di Kazan, Rusia bukan mustahil untuk dicapai, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata ini kerana pelbagai persiapan seperti pemilihan atlet yang terbaik dan menyeluruh, pendedahan berterusan, kem kecemerlangan dan latihan pusat telah dilaksanakan.

Muhyiddin berharap atlet terlibat sekurang-kurangnya memperbaiki pencapaian Universiade Shenzhen 2011 yang mana Malaysia memperoleh satu pingat perak dan dua gangsa.

"Adalah diharapkan kerjasama erat melibatkan pelbagai agensi lain terutama Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan diharap menjadi pendorong kuat kepada kita untuk mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pendidikan, berucap pada majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada kontinjen Malaysia ke Universiade 2013 di bangunan Parlimen di sini, Rabu.

Timbalan perdana menteri juga meminta semua atlet mempamerkan semangat juang yang tinggi dan memastikan Jalur Gemilang terus berkibar bagi mengharumkan nama institusi pengajian tinggi (IPT) dan negara.

"Saya percaya Universiade mampu memberikan anda satu cabaran yang hebat dan bertaraf dunia dalam mempertingkatkan keupayaan dan pencapaian anda," katanya.

Muhyiddin berkata penyertaan Malaysia ke Universiade merupakan satu agenda penting dalam menyerlahkan prestasi atlet negara.

Beliau berkata ini kerana kejohanan itu disertai lebih 200 negara mampu menjadi medan yang sangat kompetitif untuk meningkatkan tahap pencapaian dan kebersaingan atlet.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan amat komited dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan negara serta melahirkan atlet bertaraf antarabangsa.

"Kementerian akan memberi sokongan penuh kepada program mengantarabangsakan atlet di IPT melalui penyertaan ke kejohanan bertaraf antarabangsa seperti Sukan Universiti Asean, World University Championship dan Universiade," katanya.

Justeru, beliau berkata penyertaan di Universiade itu dilihat sebagai medium yang sangat penting dalam melahirkan lebih ramai "atlet pemikir" seperti digariskan dalam dasar pembangunan sukan institusi pengajian tinggi.

Pada majlis itu, Muhyiddin menyerahkan Jalur Gemilang kepada ketua kontinjen Datuk Prof Madya Dr Kasim Md Mansur yang kemudiannya menyerahkan bendera kepada wakil atlet pelajar.

Kejohanan Universiade dari 6 hingga 17 Julai ini disertai 179 termasuk 58 pegawai dari

Malaysia. Atlet negara akan menyertai dalam 14 daripada 27 acara yang dipertandingkan.

Malaysia mengambil bahagian dalam acara renang, badminton, catur, menyelam, bola sepak, lawan pedang, judo, padang hoki, olahraga, ragbi tujuh sebelah, menembak, tenis, angkat berat dan mendayung.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959026>